



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN LATIHAN KEMAHIRAN  
MELALUI KAEDAH SISTEM LATIHAN PROGRAM  
BERTAULIAH (SLaPB) DI BAWAH SISTEM PERSIJILAN  
KEMAHIRAN MALAYSIA (SPKM) SEMASA  
PERINTAH KAWALAN PERGARAKAN (PKP), PERINTAH  
KAWALAN PERGARAKAN BERSYARAT (PKPB) DAN  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN  
(PKPP)**

**5 FEBUARI 2021**

## **1. Pengenalan**

1.1 Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada pusat bertauliahan (PB) JPK selaras dengan Pengumuman oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Januari 2021 dan susulan surat rasmi Majlis Keselamatan Negara (MKN) kepada Persekutuan Pusat Bertauliahan JPK Malaysia (FeMAC) bertarikh 15 Januari 2021, pelaksanaan aktiviti latihan kemahiran bersemuka di semua Pusat Bertauliahan Awam (PBA) dan Pusat Bertauliahan Swasta (PBS) adalah seperti berikut:

1.1.1 PBA dan PBS yang berada di Negeri/Daerah yang terlibat dengan arahan pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP):

**Aktiviti Latihan Kemahiran secara Bersemuka** adalah DIBENARKAN namun tertakluk kepada Garis Panduan dan Operasi Standard JPK yang sedang berkuatkuasa.

1.1.2 PBA dan PBS yang berada di Negeri/Daerah yang terlibat dengan arahan pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP):

**Aktiviti Latihan Kemahiran secara Bersemuka** adalah DiBENARKAN dengan syarat PBA dan PBS hendaklah mematuhi sepenuhnya Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) – Sektor Pengajian Tinggi selain Garis Panduan dan Operasi Standard yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia (KSM). Walau bagaimanapun, pengoperasian PBA masih tertakluk kepada ketetapan khusus Agensi/Kementerian masing-masing.

1.2 Garis panduan ini adalah tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) Norma Baharu dan arahan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari masa ke semasa.

## 2. Objektif

Objektif garis panduan ini adalah untuk memastikan:

- i. Pengurusan latihan di PB dilaksanakan dengan lebih teratur dan lancar mengikut norma baharu;
- ii. Keselamatan dan kesihatan pelatih dan kakitangan PB diutamakan semasa latihan dilaksanakan; dan
- iii. Proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka berlaku dalam keadaan selamat seperti yang telah ditetapkan.

## 3. Pelaksanaan Aktiviti Latihan Kemahiran Bersemuka di semua Pusat Bertauliah Awam (PBA) dan Pusat Bertauliah Swasta (PBS) :

### 3.1 PBA dan PBS yang berada di Negeri/Daerah yang terlibat dengan arahan pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)

Peranan dan tanggungjawab pihak yang terlibat adalah seperti berikut:

#### 3.1.1 Pengurusan Pusat Bertauliah

- (i) memastikan persekitaran PB berada dalam keadaan selamat untuk beroperasi serta mengikut norma baharu yang ditetapkan dari semasa ke semasa;
- (ii) memastikan ruang premis/ Latihan disanitasi secara berkala;
- (iii) memastikan pelatih, Personel Pentaulian dan warga PB yang hadir ke PB berada dalam keadaan sihat dan tidak bergejala;

- (iv) mengingatkan pelatih, Personel Pentauliahan dan warga PB untuk sentiasa menjaga kebersihan diri dan mengamalkan penjarakan sosial;
- (v) memberikan penerangan dan Pendidikan berterusan kepada pelatih, Personel Pentauliahan dan warga PB mengenai penularan jangkitan COVID-19 dengan memperincikan kepentingan penjagaan kesihatan seperti mencuci tangan dan menggunakan *hand sanitizer* atau sabun, penggunaan memakai alat penutup hidung dan mulut (*face mask*) apabila perlu serta kepentingan amalan penjarakan sosial;
- (vi) memastikan saringan suhu dilakukan terhadap pelatih, Personel Pentauliahan dan warga PB pada setiap hari di pintu masuk PB. Jika mempunyai suhu badan melebihi 37.5°C, mereka tidak dibenarkan masuk ke kawasan PB dan hendaklah menjalani saringan di klinik atau hospital berdekatan dengan segera. Kos saringan ujian swab COVID-19 bagi kakitangan PB dan pelatih yang bergejala adalah ditanggung oleh PB / agensi masing-masing;
- (vii) menyediakan pelan lantai untuk diletakkan tanda penjarakan sosial dengan menggunakan pita pelekat berwarna yang mudah dilihat di lokasi yang bersesuaian seperti berikut:
  - (a) meletakkan peringatan langkah-langkah pencegahan COVID19 di pintu masuk utama PB;
  - (b) kelas/bengkel hendaklah diletakkan tanda penjarakan pada meja/mesin;
  - (c) bilik Personel Pentauliahan/pejabat/makmal/pusat sumber - tanda penjarakan diletakkan pada kerusi, meja, kaunter dan tempat merekod kehadiran; dan
  - (d) lif - tanda penjarakan diletakkan mengikut kapasiti lif.
- (viii) menyediakan SOP kepada pelatih merujuk kepada perkara berikut:

- (a) pelatih diminta mengemukakan maklumat kesihatan sebelum memulakan latihan di PB menggunakan **Borang Saringan Kesihatan** yang dilampirkan;
- (b) pelatih yang mempunyai bacaan suhu badan  $37.5^{\circ}\text{C}$  dan ke atas tidak dibenarkan mengikuti latihan dan hendaklah dirujuk kepada klinik atau hospital berdekatan dengan segera;
- (c) pelatih perlu diingatkan sentiasa mengelakkan 3C iaitu tempat sesak (*crowded places*), tempat sempit (*confined space*) dan sembang dekat (*close conversation*);
- (d) pelatih perlu diingatkan sentiasa mengamalkan 3W iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*Wash*), digalakkan memakai *face mask* atau jika bergejala (*Wear*), dan (*Warn*) iaitu amaran yang lebih berkonsep peringatan seperti penjarakan sosial, elak bersalam/bersentuhan dan amalkan etika batuk dan bersin;
- (e) pelatih perlu memastikan penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu (1) meter;
- (f) aktiviti pelatih secara berkumpulan seperti aktiviti ko-kurikulum dan riadah adalah TIDAK dibenarkan; dan
- (g) waktu makan pelatih dijadualkan secara berperingkat untuk mengelakkan kumpulan besar pada satu masa.

### 3.1.2 Personel Pentauliahan

Pengurus Pusat Bertauliahan (PPB), Pegawai Pengesah Dalaman (PPD) dan Pegawai Penilai (PP) hendaklah:

- (a) menyediakan dan menyusun jadual latihan dan penilaian yang bersesuaian bagi memastikan PdP dilaksanakan mengikut norma baharu;
- (b) mengingatkan pelatih untuk sentiasa menjaga kebersihan dan mengamalkan penjarakan sosial; dan
- (c) memaklumkan pengurusan PB jika terdapat pelatih yang bergejala.

### **3.1.3 Pengurusan Asrama / Penginapan Pelatih**

PB yang ada menyediakan kemudahan asrama / penginapan kepada pelatih, pihak pentadbir PB bertanggungjawab memastikan:

- (i) pelatih yang sihat sahaja yang dibenarkan kembali ke asrama/ penginapan. Sekiranya mereka tidak sihat, mereka hendaklah mendapatkan rawatan doktor dan disahkan sihat sebelum bersedia untuk balik ke asrama;
- (ii)saringan kesihatan dilakukan semasa pendaftaran masuk ke asrama. Pelatih yang didapati mempunyai suhu badan  $37.5^{\circ}\text{C}$  dan ke atas atau bergejala perlu dirujuk di klinik kesihatan atau hospital berdekatan;
- (iii)persediaan pihak pengurusan PB sebelum pelatih masuk ke asrama:
  - (a) katil pelatih hendaklah dijarakkan satu (1) meter antara satu sama lain. Sekiranya katil *double-decker*, katil bawah sahaja dibenarkan digunakan;
  - (b) tanda penjarakan satu (1) meter disediakan untuk pelatih beratur bagi semua bilik khas yang bersesuaian seperti di persekitaran;
  - (c) tandas, bilik air/mandi, bilik cuci, bilik gosok dan lain-lain; dan
  - (d) jadual penggiliran waktu makan disediakan di dewan makan sekiranya perlu.
- (iv)sekiranya terdapat dewan makan, kedudukan tempat makan dewan makan hendaklah diletakkan penandaan bagi penjarakan sosial (contoh: jarak satu (1) meter untuk beratur semasa mengambil makanan dan menghantar dulang makan di dewan makan asrama) dan tanda tempat duduk dengan penjarakan sosial semasa waktu makan;
- (v) semasa di asrama, pelatih yang tidak sihat perlu diasingkan dan diberikan *face mask* untuk dipakai serta dihantar ke klinik kesihatan atau hospital berdekatan;

- (vi) pelatih hendaklah melaporkan dengan segera kepada warden sekiranya diri sendiri atau rakan mengalami tanda-tanda demam, batuk, selesema, sakit tekak atau sesak nafas; dan
- (vii) pemantauan secara berkala perlu diadakan bagi memastikan pelatih sentiasa mematuhi penjarakan sosial dan berada dalam keadaan sihat.

### **3.1.4 Pelaksanaan Latihan**

3.1.4.1 Personel Pentauliahan yang melaksanakan PdP di PB hendaklah:

- (i) merancang dan melaksanakan aktiviti PdP yang akur kepada keperluan penjarakan sosial;
- (ii) memastikan semua PdP yang dilaksanakan tidak melibatkan aktiviti luar bilik kuliah; dan
- (iii) memastikan semua aktiviti sukan dan kokurikulum secara bersemuka tidak dilaksanakan sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan.

3.1.4.2 Personel Pentauliahan yang melaksanakan PdP secara dalam talian hendaklah merujuk kepada Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) melalui Kaedah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) secara dalam talian.

### **3.1.5 Lawatan Verifikasi Pegawai Pengesah Luaran (PPL) dan Lawatan Pemantauan JPK**

3.1.5.1 Lawatan Verifikasi Pegawai Pengesah Luaran (PPL) bagi tujuan Penilaian Akhir (PA) adalah dibenarkan berdasarkan kepada Garis Panduan serta Operasi Standard yang telah ditetapkan oleh JPK.

3.1.5.2 Lawatan pemantauan akan dilaksanakan secara rawak oleh JPK bagi memastikan PBA dan PBS mematuhi Prosedur Operasi Standard MKN dan Garis Panduan serta Operasi Standard yang telah ditetapkan oleh JPK

### **3.1.6 Pelaksanaan Verifikasi Pegawai Pengesah Luaran (PPL) atau Peperiksaan *Non Destructive Test* (NDT)**

Bagi tujuan pelaksanaan verifikasi PPL atau peperiksaan NDT, personel pentauliahan, pelatih / calon, PPL dan personel peperiksaan NDT perlu mematuhi perkara-perkara berikut:

(i) Sebelum Peperiksaan

- (a) Memastikan keadaan kelas/bengkel peperiksaan sentiasa dalam keadaan bersih dan telah disanitasi;
- (b) Menyusun meja/mesin dalam jarak sekurang-kurangnya satu (1) meter antara satu sama lain;
- (c) Menyediakan *hand sanitizer* atau air dan sabun;
- (d) Mengambil bacaan suhu pelatih sebelum memasuki kelas / bengkel peperiksaan;
- (e) Merekod tarikh, nama, suhu dan nombor telefon pelatih; dan
- (f) Memastikan semua individu yang terlibat mengamalkan keperluan kebersihan sebelum memasuki kelas / bengkel

peperiksaan seperti memakai *face masks* dan membasuh tangan menggunakan sabun/*hand sanitizer*.

(ii) Semasa Peperiksaan

- (a) Bilangan calon untuk sesi peperiksaan adalah ditentukan oleh PB dengan mengambil kira pematuhan kepada penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu (1) meter di antara pelatih dan personel pentauliahan dan juga tertakluk kepada kapasiti maksimum ruang latihan;
- (b) Memastikan semua individu yang terlibat sentiasa mengamalkan kebersihan sepanjang sesi peperiksaan berlangsung; dan
- (c) Memastikan semua individu yang terlibat sentiasa mematuhi penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu (1) meter di antara satu sama lain.

(iii) Selepas Peperiksaan

- (a) Memastikan semua individu yang terlibat mengamalkan keperluan kebersihan sebelum keluar dari kelas / bengkel peperiksaan; dan
- (b) Memastikan mesin dan peralatan yang telah digunakan oleh calon disanitisikan.

### **3.2 PBA dan PBS yang berada di Negeri/Daerah yang terlibat dengan arahan pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)**

Peranan dan tanggungjawab pihak yang terlibat adalah seperti berikut:

#### **3.2.1 Pengurusan Pusat Bertauliah**

- (i) mengeluarkan surat panggilan kembali ke PB kepada pelatih yang terlibat bagi membolehkan pelatih mengemukakannya kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tujuan kebenaran merentas daerah/negeri beserta Notis Pemakluman Kebenaran yang dikeluarkan oleh Jabatan di laman sesawang;
- (ii) mengadakan SOP khusus untuk pelaksanaan latihan kemahiran di PB mengikut norma baharu;
- (iii) memastikan persekitaran PB berada dalam keadaan selamat untuk beroperasi serta mengikut norma baharu yang ditetapkan dari semasa ke semasa;
- (iv) memastikan ruang premis/ latihan disanitasi secara berkala;
- (v) memastikan pelatih, personel pentauliahan dan warga PB yang hadir ke PB berada dalam keadaan sihat dan tidak bergejala;
- (vi) mengingatkan pelatih, personel pentauliahan dan warga PB untuk sentiasa menjaga kebersihan diri dan mengamalkan penjarakan sosial;
- (vii) memberikan penerangan dan Pendidikan berterusan kepada pelatih, personel pentauliahan dan warga PB mengenai penularan jangkitan COVID-19 dengan memperincikan kepentingan penjagaan kesihatan seperti mencuci tangan dan menggunakan *hand sanitizer* atau sabun, penggunaan memakai alat penutup hidung dan mulut (*face mask*) apabila perlu serta kepentingan amalan penjarakan sosial;
- (ix) memastikan saringan suhu dilakukan terhadap pelatih, personel pentauliahan dan warga PB pada setiap hari di pintu masuk PB. Jika mempunyai suhu badan melebihi 37.5°C, mereka tidak dibenarkan masuk ke kawasan PB dan hendaklah menjalani saringan di klinik atau hospital berdekatan dengan segera. Kos saringan ujian swab COVID-19

bagi kakitangan PB dan pelatih yang bergejala adalah ditanggung oleh PB / agensi masing-masing;

(x) menyediakan pelan lantai untuk diletakkan tanda penjarakan sosial dengan menggunakan pita pelekat berwarna yang mudah dilihat di lokasi yang bersesuaian seperti berikut:

- (a) meletakkan peringatan langkah-langkah pencegahan COVID19 di pintu masuk utama PB;
- (b) kelas/bengkel hendaklah diletakkan tanda penjarakan pada meja/mesin;
- (c) bilik personel pentaulahan/pejabat/makmal/pusat sumber - tanda penjarakan diletakkan pada kerusi, meja, kaunter dan tempat merekod kehadiran; dan
- (d) lif - tanda penjarakan diletakkan mengikut kapasiti lif.

(xi) menyediakan SOP kepada pelatih merujuk kepada perkara berikut:

- (a) pelatih diminta mengemukakan maklumat kesihatan sebelum memulakan latihan di PB menggunakan **Borang Saringan Kesihatan** yang dilampirkan;
- (b) pelatih yang mempunyai bacaan suhu badan  $37.5^{\circ}\text{C}$  dan ke atas tidak dibenarkan mengikuti latihan dan hendaklah dirujuk kepada klinik atau hospital berdekatan dengan segera;
- (c) pelatih perlu diingatkan sentiasa mengelakkan 3C iaitu tempat sesak (*crowded places*), tempat sempit (*confined space*) dan sembang dekat (*close conversation*);
- (d) pelatih perlu diingatkan sentiasa mengamalkan 3W iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*Wash*), digalakkan memakai *face mask* atau jika bergejala (*Wear*), dan (*Warn*) iaitu amaran yang lebih berkonsep peringatan seperti penjarakan sosial, elak bersalam/bersentuhan dan amalkan etika batuk dan bersin;
- (e) pelatih perlu memastikan penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu (1) meter;

- (f) aktiviti pelatih secara berkumpulan seperti aktiviti ko-kurikulum dan riadah adalah tidak dibenarkan; dan
- (g) waktu makan pelatih dijadualkan secara berperingkat untuk mengelakkan kumpulan besar pada satu masa;

### **3.2.2 Personel Pentauliahan**

Pengurus Pusat Bertauliahan (PPB), Pegawai Pengesah Dalaman (PPD) dan Pegawai Penilai (PP) hendaklah:

- (i) menyediakan dan menyusun jadual latihan dan penilaian yang bersesuaian bagi memastikan PdP dilaksanakan mengikut norma baharu;
- (ii) mengingatkan pelatih untuk sentiasa menjaga kebersihan dan mengamalkan penjarakan sosial; dan
- (iii) memaklumkan pengurusan PB jika terdapat pelatih yang bergejala.

### **3.2.3 Pengurusan Asrama / Penginapan Pelatih**

PB yang ada menyediakan kemudahan asrama / penginapan kepada pelatih, pihak pentadbir bertanggungjawab memastikan:

- (i) pelatih yang sihat sahaja yang dibenarkan kembali ke asrama/penginapan. Sekiranya mereka tidak sihat, mereka hendaklah mendapatkan rawatan doktor dan disahkan sihat sebelum bersedia untuk balik ke asrama;
- (ii) saringan kesihatan dilakukan semasa pendaftaran masuk ke asrama. Pelatih yang didapati mempunyai suhu badan  $37.5^{\circ}\text{C}$  dan ke atas atau bergejala perlu dirujuk di klinik kesihatan atau hospital berdekatan;
- (iii) persediaan pihak pengurusan PB sebelum pelatih masuk ke asrama:

- (a) katil pelatih hendaklah dijarakkan satu (1) meter antara satu sama lain. Sekiranya katil double-decker, katil bawah sahaja dibenarkan digunakan;
  - (b) tanda penjarakan satu (1) meter disediakan untuk pelatih beratur bagi semua bilik khas yang bersesuaian seperti di persekitaran;
  - (c) tandas, bilik air/mandi, bilik cuci, bilik gosok dan lain-lain; dan
  - (d) jadual penggiliran waktu makan disediakan di dewan makan sekiranya perlu.
- 
- (iv) sekiranya terdapat dewan makan, kedudukan tempat makan dewan makan hendaklah diletakkan penandaan bagi penjarakan sosial (contoh: jarak satu (1) meter untuk beratur semasa mengambil makanan dan menghantar dulang makan di dewan makan asrama) dan tanda tempat duduk dengan penjarakan sosial semasa waktu makan;
  - (v) pelatih hendaklah melaporkan dengan segera kepada warden sekiranya diri sendiri atau rakan mengalami tanda-tanda demam, batuk, selesema, sakit tekak atau sesak nafas; dan
  - (vi) pemantauan secara berkala perlu diadakan bagi memastikan pelatih sentiasa mematuhi penjarakan sosial dan berada dalam keadaan sihat.

### **3.2.4 Pelaksanaan Latihan**

**3.2.4.1 PdP secara bersemuka adalah dibenarkan bagi pelatih yang mengikuti program latihan yang berbaki tidak melebihi enam(6) bulan manakala **Pelatih lain hendaklah mengikuti latihan secara dalam talian.****

3.2.4.2 Personel Pentauliahan yang melaksanakan PdP secara bersemuka di PB hendaklah:

- (i) merancang dan melaksanakan aktiviti PdP yang akur kepada keperluan penjarakan sosial;
- (ii) memastikan semua PdP yang dilaksanakan tidak melibatkan aktiviti luar bilik kuliah; dan
- (iii) memastikan semua aktiviti sukan dan kokurikulum secara bersemuka tidak dilaksanakan sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan.

3.2.4.3 Personel Pentauliahan yang melaksanakan PdP secara dalam talian hendaklah merujuk kepada Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) melalui Kaedah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) secara dalam talian.

### **3.2.5 Lawatan Verifikasi Pegawai Pengesah Luaran (PPL) dan Lawatan Pemantauan JPK**

3.2.5.1 Lawatan Verifikasi Pegawai Pengesah Luaran (PPL) bagi tujuan Penilaian Akhir (PA) adalah dibenarkan mengikut ketetapan seperti berikut:

- (i) PPL berkelayakan akan ditugaskan dari Daerah/Negeri yang sama; dan
- (ii) Ketiadaan PPL berkelayakan dalam Daerah/Negeri yang sama, penugasan lawatan verifikasi PPL dari Daerah/Negeri yang berlainan adalah DIBENARKAN namun tertakluk kepada arahan pematuhan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sedang berkuatkuasa di Daerah/Negeri tersebut. Sekiranya PPL diarahkan untuk menjalani prosedur *swab test* atau kuarantin

oleh Pejabat Kesihatan Daerah/Negeri, dimaklumkan bahawa pihak JPK tidak akan menanggung kos bagi prosedur tersebut.

3.2.5.2 Lawatan pemantauan akan dilaksanakan secara rawak oleh JPK bagi memastikan PBA dan PBS mematuhi Prosedur Operasi Standard MKN dan Garis Panduan serta Operasi Standard yang telah ditetapkan oleh JPK.

### **3.2.6 Pelaksanaan Verifikasi Pegawai Pengesah Luaran (PPL) atau Peperiksaan *Non Destructive Test* (NDT)**

Bagi tujuan pelaksanaan verifikasi PPL atau peperiksaan NDT, personel pentauliahan, pelatih / calon, PPL dan personel peperiksaan NDT perlu mematuhi perkara-perkara berikut:

(i) Sebelum Peperiksaan

- (g) Memastikan keadaan kelas/bengkel peperiksaan sentiasa dalam keadaan bersih dan telah disanitasi;
- (h) Menyusun meja/mesin dalam jarak sekurang-kurangnya satu (1) meter antara satu sama lain;
- (i) Menyediakan *hand sanitizer* atau air dan sabun;
- (j) Mengambil bacaan suhu pelatih sebelum memasuki kelas / bengkel peperiksaan;
- (k) Merekod tarikh, nama, suhu dan nombor telefon pelatih; dan
- (l) Memastikan semua individu yang terlibat mengamalkan keperluan kebersihan sebelum memasuki kelas / bengkel peperiksaan seperti memakai *face masks* dan membasuh tangan menggunakan sabun/*hand sanitizer*.

**(ii) Semasa Peperiksaan**

- (d) Bilangan calon untuk sesi peperiksaan adalah ditentukan oleh PB dengan mengambil kira pematuhan kepada penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu (1) meter di antara pelatih dan personel pentauliahan dan juga tertakluk kepada kapasiti maksimum ruang latihan;
- (e) Memastikan semua individu yang terlibat sentiasa mengamalkan kebersihan sepanjang sesi peperiksaan berlangsung; dan
- (f) Memastikan semua individu yang terlibat sentiasa mematuhi penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu (1) meter di antara satu sama lain.

**(iii) Selepas Peperiksaan**

- (c) Memastikan semua individu yang terlibat mengamalkan keperluan kebersihan sebelum keluar dari kelas / bengkel peperiksaan; dan
- (d) Memastikan mesin dan peralatan yang telah digunakan oleh calon disanitisikan.

- 3.3 Bagi Pelatih yang terlibat di dalam Kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), mod pembelajaran adalah secara dalam talian.**

#### **4. Tempoh Kuatkuasa**

Panduan ini berkuatkuasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) / Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) / Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)

#### **5. Penutup**

Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Latihan Kemahiran Melalui Kaedah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) semasa PKP/PKPB/PKPP ini diharap dapat memastikan pengurusan PB dan proses PdP boleh beroperasi dengan lancar dengan mengikut norma baharu. Semua PB dan pihak yang berkaitan hendaklah patuh kepada peraturan yang ditetapkan dalam garis panduan ini.

**Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran  
Jabatan Pembangunan Kemahiran**

**Tarikh : 5 Februari 2021**



JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (JPK)  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**BORANG SARINGAN KESIHATAN**

Bagi mengelakkan penyebaran COVID-19 di kalangan kakitangan Pusat Bertauliah (PB) JPK, pelatih dan orang lain, soal selidik ringkas berkaitan dengan tahap kesihatan dan sejarah perjalanan terkini tuan/puan perlu dilakukan. Pengisian soal selidik ini penting bagi membolehkan PB mengambil langkah pencegahan dan pengawalan sewajarnya bagi membendung penyebaran COVID-19 di dalam premis ini.

Nama :	No. Telefon :
No. Kad Pengenalan/No. Passport :	Warganegara :
Organisasi (Jika berkaitan) :	
Nama PB :	
Suhu badan :	Dicatat oleh (Nama Pegawai PB) :

<b>PENGISYIHIARAN KESIHATAN</b>					
1	Adakah anda mempunyai gejala berikut, sila bulatkan jawapan anda :				
	Demam Lain-lain _____	Batuk	Sakit Tekak	Sesak Nafas	Tiada
2	Adakah anda pernah berhubung rapat dengan sebarang cluster COVID-19 yang dinyatakan oleh KKM atau Pesakit dibawah Siasatan (PUI) atau pesakit COVID-19 positif dalam masa 14 hari lalu?				
	Ya	Tidak			
3	Pernahkah anda ke Negara atau kawasan yang terjejas COVID-19 dalam masa 14 hari lalu?				
	Ya	Tidak			
	Jika Ya, sila nyatakan Negara/kawasan tersebut : _____				

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

\*Nota : PB perlu menyimpan borang maklumat ini sebagai rekod bagi tujuan mengesan kontak jika diperlukan.